

D.R. 43/94

Naskhah Sahih—Bahasa— "Inggeris

R A N G UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penculikan 1961.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penculikan (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 3 Akta Penculikan 1961 adalah dipinda— Pindaan seksyen 3. Akta 365.
  - (a) dengan menomborkan semula subseksyen 3(1) sebagai seksyen 3;
  - (b) dengan memotong subseksyen (2);
  - (c) dengan memotong subseksyen (3) dan nota birai kepadanya; dan
  - (d) dengan memotong subseksyen (4).
3. (1) Apa-apa perbicaraan dengan bantuan pengapit yang telah dimulakan sebelum atau pada mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan dalam segala aspek seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan. Kecualian.
  - (2) Bagi maksud subseksyen (1), apa-apa perbicaraan telah dimulakan apabila tertuduh telah hadir di hadapan atau telah dibawa di hadapan Mahkamah Tinggi dan keterangan telah mula dikemukakan dalam perbicaraan itu.

## HURAIAN

R a n g Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 3 Akta  
Rang Undang-Undang memotong mengenai perbicaraan  
oleh hakim Mahkamah Tinggi dengan bantuan Pengapit. Pindaan  
ini berbangkit daripada pemotongan peruntukan berhubung dengan  
perbicaraan dengan bantuan pengapit dalam Kanun Prosedur Jenayah  
(N.M.B. Bab 6).

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam  
apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1818.]